

Parlimen: Lebih 3,000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar Dapat Faedah Bernama
26 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Lebih 3,000 ketua isi rumah miskin tegar dijangka mendapat faedah menerusi 11 projek agropolitan seluas 12,141 hektar yang sedang dalam pelaksanaan di seluruh negara, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Selasa.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Joseph Entulu Belaun berkata projek berkenaan akan memberi manfaat kepada kira-kira 3,470 ketua isi rumah miskin tegar dan ia dijangka boleh melonjakkan pendapatan peserta dari RM300 sebulan kepada RM2,500 sebulan.

"Peningkatan pendapatan itu dapat dicapai dengan penglibatan peserta secara aktif di ladang dan melalui agihan dividen kepada peserta," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) yang ingin tahu cadangan atau langkah positif kerajaan persekutuan dalam usaha menerokai kawasan-kawasan baru untuk penanaman komoditi seperti yang dilakukan Felda, Felcra dan Risda sekaligus mengutamakan penyertaan rakyat dalam memperbaiki tahap pencapaian ekonomi mereka.

Entulu berkata projek agropolitan digerakkan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) yang merupakan satu program bersepadu dan komprehensif yang mempunyai matlamat serampang dua mata.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675872>